

# Hanya 'tokoh kuat' boleh pegang Siapa yang layak ketuai Perhubungan UMNO Pahang?

SIAPA yang akan menggantikan tempat Datuk Hussein Onn sebagai Ketua Badan Perhubungan UMNO Pahang masih menjadi tanda tanya kepada ahli UMNO di sini.

Bagaimanapun pemerhati politik di sini menjangka salah seorang dari dua tokoh UMNO sekarang, iaitu Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamad atau Datuk Musa Hitam adalah yang difikirkan layak.

Datuk Hussein telah mengambil alih Jawatan Ketua Badan Perhubungan UMNO dari Datuk Seri Hamzah Abu Samah dalam tahun 1979 bila bermula krisis UMNO Pahang.

Pada 16 Julai ini, Datuk Hussein akan meletakkan jawatan beliau sebagai Perdana Menteri dan seterusnya jawatan-jawatan politiknya.

## Orang kuat

Ini bermakna jawatan Ketua Badan Perhubungan UMNO Pahang, akan kosong selepas pengumuman Datuk Hussein itu hingga Majlis Tertinggi UMNO Malaysia bermesyuarat selepas Hari Raya Puasa.

Timbalan Ketua Perhubungan, Menteri Besar Pahang, Haji Abdul Rahim Abu Bakar, dianggap belum bersedia dilantik menjadi Ketua Perhubungan dan ahli ahli perhubungan yang lain, juga dijangka tidak akan diberi jawatan itu.

Pemerhati politik berpendapat jawatan Ketua Perhubungan UMNO Pahang, hendaklah dipegang oleh seorang tokoh pemimpin yang benar-benar

---

## KUANTAN, Robu

---

berkeupayaan.

"Ini disebabkan politik di Pahang amat unik dan memerlukan orang yang kuat untuk menyelesaikan sebarang masalah," kata seorang pemerhati.

Datuk Seri Dr. Mahathir, Presiden UMNO yang baru, dianggap orang yang paling layak menggantikan tempat Datuk Hussein itu. Beliau sekarang menjadi Ketua Perhubungan UMNO Perak.

Datuk Musa pula sebagai Timbalan Presiden menjadi Ketua Perhubungan UMNO Melaka, dan sekarang masalah politik Melaka dikatakan telah kembali aman dan Datuk Musa boleh menyerahkan semula jawatan itu kepada Ketua Menteri.

"Kiranya beliau boleh menyelesaikan masalah di Melaka mengapa tidak beliau menjalankan usaha yang sama di Pahang," tanya seorang pemerhati.

Bagaimanapun jawatan Ketua Perhubungan UMNO Pahang itu, hanya dapat disahkan selepas Presiden UMNO, Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamad membuat pengumuman mengenai nama-nama Ketua Perhubungan UMNO di mesyuarat Majlis Tertinggi UMNO yang pertama selepas Hari Raya.

Para pemerhati juga berpendapat Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamad ketika itu nanti, sekaligus dijangka akan mengumumkan Setiausaha Perhubungan UMNO Pahang yang baru.

Bahan asal dari Arkib  
Negara Malaysia